

## KAJIAN AMALAN PENGAJARAN GURU BAHASA ARAB SEKOLAH MENENGAH DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Gamal Abdul Nasir Zakaria [1], Salwa Mahalle [2], Aliff Nawi [3]

### ABSTRACT

The aim of this study was to identify the teaching practices and the usage of teaching aids in the teaching-learning process among the teachers teaching Arabic Language in Brunei Darussalam. Approach used was quantitative in nature where questionnaires were distributed to teachers from secondary schools in all the four districts in Brunei Darussalam namely Brunei-Muara, Tutong, Belait and Temburong districts. Data were analyzed descriptively through frequencies and mean values. From the results, it was found that teachers did not use varieties of teaching approaches in their lessons, instead they still practice the teacher-centered approach. Apart from that, usage of teaching aids was also at an unsatisfactory level. Further, this study showed that the Arabic Language teachers were burdened with teaching loads which ultimately affected their quality of teaching. Several recommendations were proposed to related authorities toward the betterment of teaching Arabic Language in secondary schools and in Brunei Darussalam, as a whole.

**Keywords:** Teaching practices, Arabic Language, Secondary Schools, Brunei Darussalam

[1] Sultan Hassanal Bolkiah Institute of Education, Universiti Brunei Darussalam gamal.zakaria@ubd.edu.bn

[2] Sultan Hassanal Bolkiah Institute of Education, Universiti Brunei Darussalam salwa.mahalee@ubd.edu.bn

[3] Sultan Hassanal Bolkiah Institute of Education, Universiti Brunei Darussalam aliffnawi@yahoo.com

### PENGENALAN

Bahasa Arab di dunia Melayu bukanlah satu bahasa yang dianggap asing. Ia telah sebatik dalam diri umat Islam, kerana ia telah dipelajari dan diajarkan secara meluas sejak berkurun lamanya di institusi-institusi pendidikan seperti sekolah Arab, Madrasah, sekolah agama dan pondok. Menurut Gamal (2003), bahasa Arab tidak hanya berfungsi sebagai bahasa agama semata-mata tetapi juga sebagai bahasa pendidikan, kebudayaan dan komunikasi dalam kalangan masyarakat di dunia.

Dalam konteks Negara Brunei Darussalam, bahasa Arab tidak hanya diajar dan dipelajari di sekolah-sekolah Arab yang berada di bawah Kementerian Hal-ehwal Ugama, bahkan diperluas pengajarannya di Sekolah Menengah dibawah Kementerian Pendidikan. Hal ini selari dengan kebijakan Kementerian Pendidikan menjadikan bahasa Arab sebagai salah satu bahasa pengantar dalam pengajaran. Kebijakan ini bagi mengukuhkan lagi objektif pendidikan di Negara Brunei Darussalam iaitu memantapkan kemahiran dan kefasihan pelajar dalam berbahasa Melayu, Inggeris dan Arab (Kementerian Pendidikan, 2009).

Pelaksanaan pengajaran bahasa Arab di Sekolah Menengah Kementerian Pendidikan (tingkatan 1-3) telah bermula pada sesi pelajaran 1992 dengan memberi fokus kepada kemahiran asas berbahasa, perbendaharaan kata, nahu dan aspek kebudayaan. Seiring dengan perkembangan sistem pendidikan negara yang dikenali dengan Sistem Pendidikan Negara Abad ke-21 (SPN 21), Bahasa Arab dijadikan sebagai salah satu subjek dikenali dengan mata pelajaran bahasa Arab asas yang ditawarkan sebagai mata pelajaran elektif, di samping bahasa Perancis dan bahasa Mandarin untuk semua pelajar Tahun 7 dan Tahun 8. Masa yang diperuntukkan bagi subjek bahasa

Arab asas adalah 3 period (1 jam 30 minit) seminggu. Subjek bahasa Arab asas ini juga turut dimasukkan sebagai salah satu subjek elektif dalam Program Pendidikan Menengah General dan akan dinilai mengikut BC GCE peringkat O bagi pelajar Tahun 9 hingga Tahun 11.

## KAJIAN LITERATUR

Dalam ilmu pedagogi pengajaran bahasa, kaedah dapat ditakrifkan sebagai langkah-langkah dan peringkat yang diatur untuk mengajar sesuatu sesuatu bahasa, sesuai dengan pendekatan yang dipegang (Abdullah Hassan, 1987). Tidak jauh berbeza dengan pandangan di atas, Kamaruddin Husin (1988) menjelaskan bahawa kaedah adalah perancangan yang menyeluruh untuk mengajar sesuatu bahasa yang secara keseluruhannya mestilah didasarkan pada pendekatan yang dianut. Kaedah tidak boleh bercanggah dengan pendekatan. Kaedah bersifat prosedur dan terdiri daripada langkah-langkah dan peringkat-peringkat yang harus diturut dengan saksama untuk mencapai tujuan tertentu.

Kaedah merupakan unsur penting dalam pengajaran dan pembelajaran. Keberhasilan pengajaran sangat berkaitan dengan kaedah pengajaran yang digunakan. Kaedah yang baik dan efektif akan dapat membantu menyelesaikan masalah dan kelemahan dalam pengajaran seperti: buku teks dan kelemahan pelajar. Kaedah yang efektif juga akan mempercepat dan mempermudahkan proses pencapaian objektif pengajaran, menjimatkan masa, menggalakkan pelajar belajar berkumpulan dan tidak banyak bergantung kepada penjelasan guru (Gamal, 2009).

Alat bantu mengajar (ABM) adalah salah satu unsur penting dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran. ABM ialah media yang digunakan oleh guru dalam pengajarannya berbentuk benda, alat dan material untuk memudahkan guru memberi kefahaman kepada murid dalam pengajarannya. Menurut Abdul Alim (1981), penggunaan ABM dapat meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah. Hal ini terbukti bahawa banyak kajian menunjukkan keberkesanan penggunaan ABM mampu memberi impak yang positif dalam meningkatkan kefahaman pelajar terhadap sesuatu mata pelajaran (Tan & Carol, 2013; Ting, 2009).

Kepelbagaiannya dalam penggunaan ABM dalam pengajaran akan lebih membantu murid memahami pelajaran. ABM juga merupakan jendela pengetahuan bagi pelajar. Semakin banyak ABM yang digunakan, maka semakin mudah dan mantaplah proses pembelajaran. Oleh karena itu guru hendaklah berhati-hati memilih ABM dengan tajuk yang hendak diajarkan. Kesalahan dan kesilapan memilih ABM dan kegagalan menggunakanannya dalam pengajaran akan menghalang pencapaian tujuan pengajaran yang telah ditetapkan (Naif Makruf, 1998).

## OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan dengan objektif untuk:

1. Mengenal pasti amalan pengajaran yang digunakan oleh guru bahasa Arab dalam pengajaran dan pembelajaran.
2. Mengenal pasti jenis ABM yang digunakan oleh guru bahasa Arab dalam pengajaran dan pembelajaran.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian tinjauan ini adalah berbentuk kuantitatif dengan menggunakan instrumen soal selidik bagi mendapatkan data. Populasi kajian ialah para guru yang mengajar bahasa Arab di sekolah menengah di seluruh negara Brunei Darussalam. Seramai 25 orang guru bahasa Arab dari ke empat-empat daerah iaitu Brunei/Muara, Tutong, Belait dan Temburong terlibat dalam kajian ini. Pemilihan sekolah juga adalah berdasarkan kepada sekolah yang hanya menawarkan subjek bahasa Arab. Hanya 21 buah sekolah daripada 32 buah sekolah menengah yang menawarkan subjek Bahasa Arab bagi pelajar Tahun 7 dan Tahun 8.

Soal selidik yang diedarkan mempunyai dua bahagian; bahagian A merangkumi profil demografi untuk mengumpul maklumat latar belakang guru; bahagian B melibatkan aspek kaedah pengajaran yang digunakan oleh guru dan jenis alat bantu mengajar (ABM) yang digunakan mereka. Soal selidik yang diberikan menggunakan skala Likert lima mata iaitu 1, 2 dan 3 dikategorikan masing-masing sebagai ‘Sangat Tidak Setuju’, ‘Tidak Setuju’ dan ‘Tidak Pasti’. Sementara nilai 4 dan 5 dikategorikan masing-masing sebagai ‘Setuju’ dan ‘Sangat Setuju’ untuk menganalisa peratusan dan kekerapan setiap item tersebut. Min skor pula akan diperoleh dengan menganalisa nilai skala Likert yang dipilih responden bagi setiap item dan purata nilai skor keseluruhan bagi setiap aspek juga

akan dianalisa. Sebelum kajian sebenar dijalankan, satu kajian rintis dilaksanakan untuk melihat kebolehpercayaan item-item soalan. Hasil kajian rintis soal selidik ini telah memperoleh nilai alpha Cronbach sebanyak .655.

## DAPATAN KAJIAN

### Profil Responden

Jadual 1 berikut menunjukkan profil latar belakang peserta kajian. Sebanyak 8 orang guru lelaki dan 17 orang guru perempuan terlibat dalam kajian ini. Dari aspek umur pula, majoriti guru adalah berumur antara 30 hingga 39 tahun (16 orang) yang mewakili sebanyak 64%. Manakala guru yang berumur antara 20 hingga 29 tahun pula adalah sebanyak 28% (7 orang). Selebihnya adalah guru yang berumur antara 40 hingga 49 tahun (2 orang) mewakili 8% sahaja.

Jadual 1

*Profil Responden (N = 25)*

	Item	Frekuensi (f)	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	8	32
	Perempuan	17	68
Umur	20-29	7	28
	30-39	16	64
	40-49	2	8
Pengalaman Mengajar Bahasa Arab	Kurang 1 tahun	8	32
	1-5 tahun	7	28
	5 tahun ke atas	10	40
Kelulusan Akademik	Diploma Pendidikan	2	8
	Ijazah Pertama	16	64
	Ijazah Lanjutan (PGCE)	6	24
	Sarjana	1	4
	Pernah Menyertai Latihan / Kursus	Ya	22
		Tidak	3
			12

Dari aspek pengalaman mengajar bahasa Arab, kebanyakan guru mempunyai pengalaman yang berbeza. Sebanyak 10 orang guru (40%) mempunyai pengalaman mengajar bahasa Arab selama lebih dari 5 tahun. Manakala bagi guru yang mempunyai pengalaman dari 1 hingga 5 tahun pula adalah sebanyak 7 orang (28%) dan selebihnya pula (8 orang) adalah guru yang berpengalaman kurang dari 1 tahun (32%).

Dari aspek kelulusan akademik pula, majoriti guru mempunyai latar belakang Ijazah pertama (16 orang) yang mewakili sebanyak 64%. Manakala 6 orang guru (24%) mempunyai Ijazah Lanjutan (PGCE). Hanya dua orang guru (8%) sahaja mempunyai diploma dalam pendidikan dan seorang sahaja (4%) memiliki Ijazah Sarjana.

Aspek yang terakhir adalah pengalaman menyertai sebarang kursus atau latihan yang dianjurkan dalam bahasa Arab. Sebanyak 22 orang guru yang mewakili 88% pernah mengikuti latihan atau kursus yang dianjurkan dan 3 orang guru (12%) yang masih belum pernah mengikuti sebarang kursus atau latihan yang dianjurkan dalam bahasa Arab.

### Pemilihan Kaedah Pengajaran

Jadual 2 berikut menggambarkan pemilihan kaedah pengajaran oleh guru dalam kajian ini. Data dipamerkan dalam bentuk min dan peratusan.

**Jadual 2** Pemilihan Kaedah Pengajaran

No	Item	Peratus (%) (f)					Min
		STS	TS	TP	S	SS	
B1	Selalu memilih kaedah yang sesuai dalam pengajaran	-	-	4 (1)	32 (8)	64 (16)	4.60
B2	Mempelbagaikan penggunaan kaedah	-	-	8 (2)	28 (7)	64 (16)	4.56
B3	Kepelbagaian kaedah agar pelajar tidak bosan	-	-	-	36 (9)	64 (16)	4.64
B4	Penggunaan kaedah harus mengikut kebolehan pelajar	-	-	-	24 (6)	76 (19)	4.76
B5	Pemilihan kaedah yang seronok untuk mudah saya menyampaikan pengajaran saya	-	-	-	40 (10)	60 (15)	4.60
B6	Kaedah yang sesuai untuk mencapai objektif pengajaran	-	-	-	44 (11)	56 (14)	4.56
B7	Hindari kaedah yang lama dan membosankan	-	4 (1)	20 (5)	36 (9)	40 (10)	4.12
B8	Pengajaran akan menjadi lebih berkesan jika mempelbagaikan kaedah	-	-	12 (3)	24 (6)	64 (16)	4.52
B9	Perlu menekankan kaedah penghafalan berbanding dengan kaedah yang lain	-	12 (3)	20 (5)	48 (12)	20 (5)	3.76
B10	Penggunaan ABM boleh membantu pengajaran saya	-	-	8 (2)	52 (13)	36 (9)	4.29
B11	Pengajaran Bahasa Arab tidak memerlukan ABM*	28 (7)	48 (12)	16 (4)	4 (1)	4 (1)	4.13
B12	Pengajaran Bahasa Arab memerlukan penglibatan aktiviti pelajar	-	4 (1)	-	40 (10)	56 (14)	4.44
B13	Aktiviti pembelajaran mampu menarik minat pelajar	-	-	-	52 (13)	48 (12)	4.48
B14	Aktiviti mampu membuat pelajar seronok dalam pembelajaran	-	-	4 (1)	48 (12)	48 (12)	4.44
B15	Aktiviti mampu meningkatkan kefahaman pelajar dalam subjek Bahasa Arab	-	-	-	52 (13)	48 (12)	4.48
B16	Penerangan guru sudah mencukupi untuk menarik minat pelajar*	8 (2)	36 (9)	36 (9)	16 (4)	4 (1)	3.65
B17	Objektif pengajaran Bahasa Arab susah dicapai oleh guru*	36 (9)	36 (9)	-	24 (6)	4 (1)	3.50
B18	Subjek Bahasa Arab tidak dapat memenuhi keperluan pelajar*	8 (2)	24 (6)	56 (14)	8 (2)	4 (1)	3.45
<b>Jumlah</b>							<b>4.23</b>

\*item telah dikodkan semula

Jadual 2 pula menunjukkan persepsi guru-guru Bahasa Arab tentang kepentingan pemilihan kaedah mengajar khususnya dalam pengajaran Bahasa Arab. Kesemua guru-guru tersebut (100%) bersetuju bahawa pemilihan kaedah yang betul adalah penting agar pelajar tidak merasa bosan, mudah bagi mereka menyampaikan apa yang ingin diajar, harus sesuai untuk mencapai objektif pengajaran, boleh menarik minat pelajar dan mampu meningkatkan kefahaman pelajar. Di samping itu, kaedah yang digunakan haruslah sesuai dengan tahap kebolehan pelajar.

Juga terdapat di antara mereka yang berpendapat bahawa penggunaan ABM boleh membantu sesi pengajaran guru (88%), dan ABM yang digunakan harus melibatkan pelajar dalam aktiviti yang dibuat (96%). Menurut mereka lagi, objektif pengajaran Bahasa Arab susah untuk dicapai oleh guru (28%) dan 44% juga bersetuju bahawa penerangan guru sahaja tidak mencukupi untuk menarik minat pelajar.

### Penggunaan Alat Bantu Mengajar (ABM)

Jadual 3 pula menujukkan kekerapan penggunaan kaedah pengajaran dan ABM yang digunakan.

**Jadual 3** Kekerapan Penggunaan Kaedah Pengajaran dan ABM Yang Digunakan

No	Item	Peratus (%) (f)					Min
		Tidak Pernah	Jarang Sekali	Kadang- Kadang	Selalu	Kerap	
C1	Penerangan/Syaran	-	-	8 (2)	4 (1)	88 (2)	4.80
C2	Perbincangan(Guru-Pelajar)	-	4 (1)	20 (5)	24 (6)	52 (13)	4.24
C3	Kuiz/Soal Jawab	-		20 5	24 6	56 14	4.36
C4	Bercerita	8 (2)	4 (1)	36 (9)	24 (6)	28 (7)	3.60
C5	Simulasi (lakon semula)		24 (6)	28 (7)	32 (8)	16 (4)	3.40
C6	Tunjuk cara/Demonstrasi	4 (1)	8 (2)	28 (7)	28 (7)	32 (8)	3.76
C7	Memberi contoh dari semasa ke semasa	-	-	8 (2)	24 (6)	68 (17)	4.60
C8	Belajar secara berkelompok	-	8 (2)	40 (10)	40 (10)	12 (3)	3.56
C9	Forum	8 (2)	80 (20)	12 (3)	-	-	2.04
C10	Sumbang saran	12 (3)	36 (9)	28 (7)	20 (5)	4 (1)	2.68
C11	Seminar/Pembentangan	8 (2)	68 (17)	12 (3)	12 (3)	-	2.28
C12	Memberi projek	-	-	40 (10)	36 (9)	24 (6)	3.84
C13	Guna benda maujud dlm pengajaran	-	-	16 (4)	24 (6)	60 (15)	4.44
C14	Penyelesaian masalah	8 (2)	16 (4)	48 (12)	16 (4)	12 (3)	3.08
C15	Pelajar belajar sendiri	-	44 (11)	32 (8)	12 (3)	12 (3)	2.92
C16	Guna Kad Manila	4 (1)	4 (1)	36 (9)	40 (10)	16 (4)	3.60
C17	Alat pancaran lutsinar	4 (1)	56 (14)	8 (2)	24 (6)	8 (2)	2.76
C18	Komputer	-	52 (13)	28 (7)	12 (3)	8 (2)	2.76

C19	Video/CD-Rom	8 (2)	60 (15)	20 (5)	8 (2)	4 (1)	2.40
C20	Televisyen	-	4 (1)	84 (21)	12 (3)	-	2.08
C21	Perakam suara	4 (1)	72 (18)	16 (4)	8 (2)	-	2.28
C22	Menulis di Papan Hitam/Putih	-	-	-	4 (1)	96 (24)	4.92
C23	Internet	-	60 (15)	16 (4)	20 (5)	4 (1)	2.68
C24	Kamus	-	8 (2)	24 (6)	36 (9)	32 (8)	3.92
C25	Makmal Bahasa	4 (1)	72 (18)	8 (2)	8 (2)	8 (2)	2.44

Di antara boleh ubah dalam kajian ini ialah pendapat guru Bahasa Arab tentang kaedah pengajaran yang mereka praktikkan serta jenis alat bantu mengajar yang digunakan. Penganalisisan data menunjukkan majoriti guru-guru selalu menggunakan kaedah syarahan (88%). Antara kaedah yang tidak pernah mereka gunakan ialah forum (80%) dan pembentangan atau seminar (68%). Manakala belajar dan membuat aktiviti secara berkelompok juga ada digunakan oleh guru tetapi hanya di peringkat kadang-kadang (40%).

Menurut persepsi guru, antara alat bantu mengajar yang selalu dan kerap mereka gunakan ialah papan putih/hitam dan ini dapat dilihat dari nilai peratus yang tertinggi (96%). Antara alat bantu mengajar yang tidak pernah digunakan ialah seperti televisyen (84%), perakam suara (72%) dan internet (60%). Selain itu, manila kad (40%) dan kamus (36%) hanya kadang-kadang digunakan.

Dapatan ini menunjukkan para guru Bahasa Arab kurang menggunakan kemudahan ICT yang ada dalam sesi pengajaran mereka serta kurang menggunakan kaedah-kaedah yang melibatkan diskusi, interaksi antara guru dan pelajar serta kaedah-kaedah yang boleh meningkatkan kreativiti dan keseronokan dalam mempelajari Bahasa Arab. Menurut Martinis Yamin (2007), kaedah diskusi boleh memperoleh sambutan yang lebih aktif berbanding dengan kaedah ceramah. Dalam kaedah diskusi, pelajar akan dilatih tentang perbezaan-perbezaan pendapat yang ada, menganalisis, memecahkan masalah serta memperdebatkan topik atau permasalahan tertentu. Antara kaedah lain yang digunakan oleh guru ialah dialog bersama pelajar, penghafalan dan nyanyian.

## PERBINCANGAN

Dalam kajian ini, beberapa hasil kajian yang signifikan perlu dikemukakan untuk meningkatkan amalan pengajaran guru dalam bahasa Arab. Jika melihat kepada dapatan, hampir semua guru bersetuju bahawa kepelbagaiannya kaedah pengajaran boleh meningkatkan minat pelajar untuk belajar bahasa Arab. Walau bagaimanapun, hasil kajian mendapati para guru lebih kerap menggunakan kaedah syarahan dalam pengajaran mereka. Mereka juga kurang menggunakan kaedah yang berbentuk forum, perbincangan, soal jawab dan sebagainya. Percanggahan dapatan ini membuktikan bahawa para guru tidak kreatif dan tidak mahu mencuba pedagogi baru walaupun mereka sendiri mengakui keberkesanannya teknik pembelajaran yang terkini. Hal ini turut diakui oleh Ab Halim et al. (2004, 2010) yang mendapati bahawa amalan pengajaran guru yang tidak kreatif disebabkan mereka tidak mahu mencuba teknik baru, tidak mahu mengeluarkan belanja yang tinggi dan kesan dari pengajaran guru mereka terdahulu.

Di samping itu juga, majoriti para guru ini sebenarnya telah didedahkan dengan kursus-kursus latihan pengajaran dan mempunyai pengalaman mengajar lebih dari 5 tahun. Walau bagaimanapun, dapatan menunjukkan mereka masih kerap menggunakan kaedah berpusatkan pelajar. Jadi, kompetensi guru-guru yang tidak mengamalkan kaedah-kaedah yang dipelajari semasa kursus pengajaran sama seperti guru-guru novis yang baru mula mencebur dunia pendidikan. Kajian oleh Mohd Aliff dan Yusraini (2014) menunjukkan bahawa guru-guru novis masih kekok untuk mempelbagaikan pengajaran kerana kurangnya pengalaman dalam pengajaran. Oleh itu, para guru perlu sentiasa meningkatkan teknik dan kaedah pengajaran kerana setiap kumpulan pelajar

mempunyai keperluan yang berbeza (Gamal & Salwa, 2013; Ghazali Yusri, Nik Mohd Rahimi, & Parilah M. Shah, 2010).

Penggunaan ABM pula masih lagi berada pada tahap yang tidak memuaskan. Para guru didapati masih kerap menggunakan papan hitam/putih sebagai alat bantu mengajar mereka. Di samping itu, wujudnya pengabaian terhadap bahan-bahan ABM yang dapat membantu proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa seperti penggunaan bahan ICT. Kajian menunjukkan bahawa penggunaan bahan ABM yang tidak sesuai dikhawatir akan mengurangkan motivasi pelajar semasa pengajaran dan pembelajaran (Aliff Nawi, Mohd Isa Hamzah, & Surina Akmal, 2014; Siti Fatimah & Ab. Halim, 2010). Begitu juga berkaitan dengan penggunaan makmal bahasa yang amat jarang digunakan; malahan majoriti guru tidak menggunakan makmal bahasa untuk mengajar bahasa Arab. Keadaan ini menjelaskan bahawa terdapat kekangan besar yang masih dihadapi oleh para guru kerana mereka tidak berminat untuk membawa perubahan dalam pengajaran bahasa Arab.

Hasil kajian turut mendedahkan bahawa guru-guru yang mengajar subjek bahasa Arab bukanlah tugas utama mereka. Tugas utama mereka ialah mengajar subjek Pengetahuan Ugama Islam (PUI). Ini bermakna para guru memikul dua tugas dalam waktu yang sama. Kedua ini sudah pasti menyebabkan para guru memberikan keutamaan kepada tugas utama mereka. Dua beban yang digalas sekali gus sudah pasti akan mempengaruhi kerja guru. Guru didapati tidak mempunyai banyak masa untuk membuat persedian mengajar dan kurang memberi tumpuan sepenuhnya kepada bahasa Arab. Kajian oleh Abdul Sukor et al. (2006) menunjukkan bahawa lambakan beban tugas guru memberi kesan yang negatif terhadap kualiti pengajaran dan menjadikan pembelajaran. Menurut beliau, para guru sering dibebani dengan pelbagai tugas termasuk perkeranian, penasihat kurikulum, pemimpin kelab, persatuan unit beruniform, jurulatih sukan, dan guru data. Oleh yang demikian, beban tugas guru perlulah seimbang dan selaras tugas yang diberikan kepada guru yang mengajar bahasa Arab dan Pengetahuan Ugama Islam agar tidak membebankan mereka.

## CADANGAN & KESIMPULAN

Terdapat beberapa saranan yang boleh dikemukakan untuk memantapkan lagi pelaksanaan pengajaran bahasa Arab di sekolah-sekolah menengah. Antaranya adalah dengan meningkatkan kualiti dan bilangan makmal bahasa di setiap sekolah. Oleh kerana dapatkan menunjukkan bahawa hampir setiap sekolah tidak memiliki makmal bahasa, penambahan bilangannya dapat membantu guru dan pelajar untuk meningkatkan mutu pengajaran bidang pelbagai Bahasa; mereka akan merasakan suasana pembelajaran yang berbeza berbanding hanya belajar di bilik darjah sahaja. Justeru itu dicadangkan untuk menyediakan makmal bahasa di setiap sekolah menengah di seluruh negara.

Selain itu, salah satu cadangan yang sangat penting kepada Jabatan Perkembangan Kurikulum ialah untuk menyediakan buku teks bahasa Arab yang komprehensif yang boleh diguna pakai oleh semua sekolah dan guru dalam pengajaran mereka. Dari hasil kajian didapati bahawa guru-guru bahasa Arab menggunakan buku teks bahasa Arab yang dihasilkan oleh jawatankuasa guru bahasa Arab bukan buku teks dari jabatan perkembangan kurikulum. Terkadang timbul masalah tidak adanya keseragaman penggunaan buku teks dalam kalangan para guru bahasa Arab di antara satu sekolah dengan sekolah lain. Penggunaan buku teks banyak bergantung kepada guru bahasa Arab itu sendiri. Jadi sudah tiba masanya untuk Jabatan Perkembangan Kurikulum memikirkan dan menghasilkan buku teks yang menyeluruh dan menarik serta boleh diguna pakai oleh semua guru.

Tambahan juga, bagi membantu guru dan murid dalam proses pengajaran dan pembelajaran diperlukan kamus bahasa Arab. Penyediaan kamus bahasa Arab untuk guru dan murid diharapkan akan memperkaya khazanah perkataan dan kalimat bahasa Arab guru dan murid. Hal ini akan mendorong guru dan murid menggunakan perkataan bahasa Arab dalam perbualan sehari-hari dan memahami buku teks tanpa perlu diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu.

Dari aspek kompetensi guru, kebanyakan guru masih belum memiliki kelulusan yang khusus dalam pendidikan dan pengalaman pengajaran bidang bahasa. Walaupun pada umumnya para guru telah memiliki pengalaman mengajar 5 tahun ke atas. Namun mereka masih memerlukan maklumat dan perkembangan terkini tentang pengajaran bahasa Arab. Dengan adanya pendedahan terkini dan berterusan dalam pengajaran bahasa Arab mereka akan dibekalkan dengan pelbagai kemahiran dan pendekatan dalam pengajaran mereka. Justeru itu para guru mencadangkan agar mereka diberi kesempatan untuk mengikuti kursus, bengkel dan seminar tentang pengajaran bahasa Arab sama ada di dalam negeri atau diluar negara.

Bagi meningkatkan lagi kualiti pengajaran bahasa Arab, guru perlu lebih kreatif dan mengandakan usaha ke arah tersebut. Di antara faktor utama menyebabkan masalah ini adalah kurangnya kreativiti dalam penggunaan kaedah, pendekatan pengajaran, penggunaan alat bantu mengajar dan motivasi guru kepada murid.

Jika guru hanya terfokus kepada satu dua kaedah sahaja, jarang dan tidak mempelbagaikan penggunaan alat bantu mengajar, jarang memberikan motivasi kepada murid, ini akan menambahkan lagi kebosanan dalam kalangan murid dan sudah pasti menyebabkan mereka tidak berminat dan bersungguh-sungguh mempelajari bahasa Arab. Kemajuan dalam bidang ICT dan media lainnya hendaknya mendorong guru lebih kreatif dan mempelbagai bentuk kaedah, pendekatan dan penggunaan alat bantu mengajar dalam proses pembelajaran dan pengajaran.

## PENGHARGAAN

Kajian ini dilaksanakan di bawah dana penyelidikan dari Universiti Brunei Darussalam (UBD/PNC2/2/RG/1/158) dari Mac 2010 hingga Jun 2011. Penulis ingin merakamkan terima kasih kasih kepada pihak yang terlibat dalam kajian ini.

## RUJUKAN

- Ab. Halim Tamuri, Adnan Yusopp, Kamisah Osman, Shahrin Awaluddin, Zamri Abdul Rahim, & Khadijah Abdul Razak. (2004). *Keberkesanan Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam ke atas Pembangunan Diri Murid*. Final Report of Research Project, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ab. Halim Tamuri, & Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff. (2010). Isu pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam. Dlm. Ab. Halim Tamuri and Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff (Ed.), *Kaedah pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam* (hh. 19-37). Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia Press.
- Abdul Alim. (1981). *Al-muwajjih al-fanni li al-mudarris al-lughah al-arabiyya* (Ed. ke-17). Cairo: Dar Al-Maarif.
- Abdul Sukor Shaari, Abd Rahim Romle, & Mohamad Yazi Kerya. (2006). Beban Tugas Guru Sekolah Rendah. Kertas Kerja Seminar Kebangsaan Kepimpinan dan Pengurusan Sekolah. Anjuran Universiti Utara Malaysia. 12-14 Februari. [http://repo.uum.edu.my/80/1/beban\\_tugas.pdf](http://repo.uum.edu.my/80/1/beban_tugas.pdf)
- Abdullah Hassan. (1987). Pendekatan mengajar tatabahasa. *Dewan Bahasa*, 31(6).
- Aliff Nawi, Mohd Isa Hamzah, & Surina Akmal Abd Sattai. (2014). Potensi Penggunaan Aplikasi Mudah Alih (Mobile Apps) dalam Pendidikan Islam. *The Online Journal of Islamic Education*, 2(2), 26-35. [http://ejournal.um.edu.my/filebank/published\\_article/6495/Article\\_3\\_V2\\_I2\\_Jun2014.pdf](http://ejournal.um.edu.my/filebank/published_article/6495/Article_3_V2_I2_Jun2014.pdf)
- Gamal Abdul Nasir Zakaria, & Salwa Mahalle. (2013). The Perception of Teachers and Adults Students on Religious Classes for Adults in Negara Brunei Darussalam. *Journal of Education and Practice*, 4(2), 109-116. <http://www.iiste.org/Journals/index.php/JEP/article/download/4075/4110>
- Gamal Zakaria. (2003). *Dari syahadah ke mahabbah*. Bangi: Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Gamal Zakaria. (2009). *Turuq tadrис al-lughah al-arabiyyah*. Bangi: Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Ghazali Yusri, Nik Mohd Rahimi, & Parilah M. Shah. (2010). Sikap Pelajar Terhadap Pembelajaran Kemahiran Lisan Bahasa Arab di Universiti Teknologi MARA (UiTM). *Gema Online™ Journal of Language Studies*, 10(3), 15-33. <http://core.kmi.open.ac.uk/download/pdf/11491406.pdf>
- Jawatankuasa Penyediaan Skim SPN21. (2009). *Sukatan pelajaran Bahasa Arab Asas Tahun 7 & 8*. Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: Jabatan Perkembangan Kurikulum. (belum diterbitkan)
- Kamaruddin Husin. (1988). *Pedagogi bahasa*. Selangor: Longman Malaysia.
- Jabatan Perkembangan Kurikulum. (2009). Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.
- Mohd Aliff Mohd Nawi, & Yusraini Ramlan. (2014). A Study on the Strategies and Practice of Teaching Among Trainee Teachers During Teaching Training. *The Online Journal of Islamic Education*, 2(1), 1-6. [http://ejournal.um.edu.my/filebank/published\\_article/6052/Article\\_1\\_V2\\_I1\\_Jan2014.pdf](http://ejournal.um.edu.my/filebank/published_article/6052/Article_1_V2_I1_Jan2014.pdf)

Naif Makruf. (1998). *Khasais al-arabiyyah wa taraiq tadrishiha*. Beirut, Lebanon: Dar Al- Nafais.

Siti Fatimah Ahmad, & Ab. Halim Tamuri. (2010). Persepsi Guru Terhadap Penggunaan Bahan Bantu Mengajar Berasaskan Teknologi Multimedia dalam Pengajaran j-QAF. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 2(2), 53-64. <http://www.ukm.my/jiae/pdf/20.pdf>

Tan Choon Keong, & Carol Abu. (2013). Pengaplikasian Video Youtube: Bahan Bantu Mengajar (BBM) Dalam Proses Pengajaran Dan Pembelajaran Mata Pelajaran Sains Sosial. Seminar Pendidikan Sejarah dan Geografi. Anjuran Universiti Malaysia Sabah, 29-30 Ogos. [http://www.ums.edu.my/spps/images/stories/Document/SPSG2013/pengaplikasian%20video%20youtu be%20%20bahan%20bantu%20mengajar%20bbm%20%20dr%20tanck\\_ums.pdf](http://www.ums.edu.my/spps/images/stories/Document/SPSG2013/pengaplikasian%20video%20youtu be%20%20bahan%20bantu%20mengajar%20bbm%20%20dr%20tanck_ums.pdf)

Ting Suh Ping. (2009, Januari). Meningkatkan Minat dan Pembelajaran Sains Murid Tahun Tiga Melalui Penggunaan bahan Bantu Mengajar Berasaskan ICT. Koleksi Artikel Penyelidikan Tindakan PISMP SN amb. Seminar Penyelidikan Tindakan IPG KBL Tahun 2012 (hh. 116-131). <http://www.ipbl.edu.my/portal/penyelidikan/BukuKoleksi/2012/SN/11.%20TING%20SUH%20PING.pdf>